

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	10/12/2018

Pentadbiran tersusun kunci kejayaan kerajaan: PM

BH - 10/12/2018
m/s: 2

➔ Perlu ada sistem, kaedah moden dalam melaksanakan pengurusan

Oleh Azura Abas, Irwan Shafriah Ismail dan Zanariah Abd Mutalib
cnews@nstp.com.my

Putrajaya

Tun Dr Mahathir Mohamad semalam memberi mesej tegas kepada anggota pentadbiran beliau berhubung hasratnya untuk menekankan pentingnya menjadi sebuah kerajaan yang tersusun.

Perdana Menteri memberi penegasan itu kepada kakitangan kerajaan pada Program Eksekutif Khas Anggota Pentadbiran Kera-

jaan yang berlangsung secara tertutup di sini, semalam.

"Ia adalah kepentingan untuk lebih tersusun mengikut kaedah yang boleh dicapai dalam dunia moden.

"Saya menekankan bangsa Eropah menakluki dunia kerana mereka tersusun. (Ada) negara lain yang lebih besar tetapi, tidak tersusun, tentera mereka tidak tersusun.

"Saya tegaskan juga keperluan supaya kerajaan lebih tersusun. Kita perlu ada sistem dan kaedah jika kita ingin berjaya lakukan apa-apa, ia perlu dilakukan menerusi cara yang betul," katanya ketika ditemui pemberita, semalam.



Dr Mahathir bersama Dr Wan azizah dan Ismail pada Program Eksekutif Khas Anggota Pentadbiran Kerajaan di Putrajaya, semalam.

Ditanya sama ada mesej berkenaan khusus bagi menteri dan timbalan menteri dalam pentadbirannya, Dr Mahathir berkata, ia terpakai untuk semua pihak.

Program khas bermula jam 8.30 pagi itu dihadiri semua menteri, timbalan menteri dan pengurusan tinggi kerajaan, selain sesi soal jawab dan pandangan peserta.

Yang turut hadir, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail dan Ketua Setiausaha Negara, Datuk Seri Dr Ismail Bakar.

Sementara itu Menteri Hal Ehwal Ekonomi, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali, berkata Perdana Menteri mengingatkan jemaah menteri untuk memperkukuhkan dan meletakkan kepercayaan kepada anggota perkhidmatan awam sebagai satu pasukan supaya pen-

tadbiran berjalan lancar.

"Taklimat begini penting supaya perjalanan kerajaan baharu lebih berkesan dan keberkesanan kerajaan dalam membangunkan Malaysia dengan dasar dan pendekatan baharu.

Penenuhi aspirasi rakyat

"Kita mengakui sebahagian besar anggota perkhidmatan awam dapat melihat kerajaan ini berusaha membawa perubahan bagi memenuhi aspirasi rakyat.

"Namun, pada masa sama, sebahagian besar daripada jemaah menteri adalah muka baharu yang perlu memahami perjalanan dan susun atur pentadbiran kerajaan.

"Bukan (soal) tidak bekerjasama, tapi jemaah menteri perlu menenangi hati penjawat awam dan

pastikan mereka faham dasar serta strategi kerajaan," katanya.

Mohamed Azmin berkata, jemaah menteri dan timbalan menteri perlu mempunyai kerjasama erat bersama penjawat awam.

"Penjawat awam akan kekal dalam pentadbiran, sedangkan kita hanya menjawab kepada rakyat dan perlu melalui proses pilihan raya setiap lima tahun, maka adalah penting untuk kita bekerja rapat dengan mereka," katanya.

Menteri Luar, Datuk Saifuddin Abdullah pula, berkata Perdana Menteri menekankan pentingnya bagi jemaah bekerjasama sebagai pasukan kukuh dan bersistem.

"Pastikan cara dan kaedah yang boleh menyampaikan perkhidmatan kepada rakyat dengan lebih baik dan berkesan," katanya.